

14/05/2000

Gerakan mahu tarik sokongan generasi muda sertai parti

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan akan membuat pembaharuan strategi bagi menarik minat generasi muda menyertai dan memberi sokongan kepada parti itu, kata Presidennya, Datuk Seri Lim Keng Yaik.

Beliau berkata, Gerakan akan menggunakan pendekatan turun ke padang untuk mendekati generasi muda, mendengar pandangan dan memahami kehendak mereka terhadap parti itu.

"Menerusi pembaharuan ini kita harap dapat menarik generasi muda yang lebih berpendidikan dalam politik," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi Gerakan di ibu pejabat parti, semalam.

Lim berkata, cadangan mengenai pembaharuan itu akan dibahaskan pada Persidangan Agung Perwakilan Gerakan ke-29 yang akan diadakan di Pulau Pinang pada 23 September akan datang.

Persidangan itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, dalam proses pembaharuan itu, Gerakan akan menerapkan idealogi mengutamakan negara diikuti masyarakat, parti dan peribadi sebagai slogan perjuangan yang berteraskan ketelusan.

Katanya, dengan ketelusan itu penerimaan generasi muda akan berubah dan tidak lagi mudah terpengaruh dengan pihak pembangkang.

Ditanya apakah Gerakan menghadapi masalah untuk mendapatkan penyertaan golongan muda, Lim menafikannya dan berkata, sebahagian daripada 250,000 ahlinya terdiri daripada pemuda dan pemudi.

"Kita tidak ada masalah tetapi golongan muda sekarang lebih idealogik dan memiliki pengetahuan mendalam mengenai politik," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang yang akan diadakan tidak lama lagi, Lim berkata, Gerakan Negeri Sem bilan dan Bahagian Teluk Kemang sudah menubuhkan satu jawatankuasa bagi membantu kempen demi memastikan kemenangan calon Barisan Nasional.

"Kita akan bekerjasama bagi memastikan BN menang dengan jumlah majoriti yang banyak. Bagi Gerakan kita sentiasa bersedia untuk membantu tanpa perlu diminta," katanya.

Pada persidangan akhbar itu, Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, beliau akan bertolak ke China esok dalam rangka lawatan kerja empat hari bagi membincangkan kuota import minyak sawit negara itu.

Beliau berkata, Malaysia akan cuba mendapatkan jumlah kuota import minyak sawit China yang bermula 1 April lalu secepat mungkin.

Katanya, China mempunyai kuota import minyak sawit sebanyak satu juta tan metrik setahun dan 85 peratus daripadanya adalah dari Malaysia.

"Tahun lepas China gagal mengumumkan kuota yang tamat pada Mac dan hanya diumumkan pada bulan Ogos. Ini memberi kesan kepada eksport kita.

"Kita juga berharap dapat mencapai kuota 2.8 juta tan menjelang 2006," katanya.

Beliau berkata, perbincangan dengan China juga membabitkan isu perdagangan timbal balik beras dengan minyak sawit yang kini termasuk dalam kuota eksport Malaysia.

Selain itu katanya, beliau akan melihat peluang menarik pelabur China untuk melabur dalam projek infrastruktur di negara ini menerusi syarikat antarabangsa mereka.

(END)